

LAPORAN PENYELIDIKAN

TINJAUAN TERHADAP

PERMASALAHAN DAN PENILAIAN

KE ATAS KOMPONEN

LATIHAN PRAKTIKUM 1

PROGRAM PENGURUSAN KERJA

SOSIAL

SEKOLAH PEMBANGUNAN SOSIAL

ABDUL RAZAK BIN ABD MANAF
AHMAD SHUKRI BIN ABDUL HAMID

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2002

KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
SENARAI JADUAL	iii
SENARAI GAMBARAJAH	iv
SENARAI LAMPIRAN	iv
BAHAGIAN SATU: PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Pernyataan Masalah	2
1.2 Objektif Kajian	2
1.3 Kepentingan Kajian	3
BAHAGIAN DUA: ULASAN KARYA	
2.0 Pendahuluan	4
2.1 Kepentingan Latihan Praktikum	5
2.2 Peranan Penyeliaan Dalam Latihan Praktikum	5
2.3 Permasalahan Yang Wujud	9
BAHAGIAN TIGA: METODOLOGI	
3.0 Reka bentuk Kajian	12
3.1 Kaedah Persampelan	12
3.2 Pembangunan Soal Selidik	13
3.3 Analisis Data	16
3.4 Skop dan Limitasi Kajian	16
BAHAGIAN EMPAT: HASIL KAJIAN	
4.0 Profail Responden	17
4.1 Analisis Permasalahan Praktikum	21
4.2 Analisis Item Penilaian Aspek-Aspek Latihan Praktikum 1	30
BAHAGIAN LIMA: PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.0 Pendahuluan	44
5.1 Perbincangan dan Cadangan	45
5.2 Kesimpulan	53
BIBLIOGRAFI	54
LAMPIRAN	

KUMPULAN PENYELIDIK

ABDUL RAZAK BIN ABD MANAF
KETUA PROJEK

.....
Tandatangan

AHMAD SHUKRI BIN ABDUL HAMID
Ahli

.....
Tandatangan

Pengakuan tanggungjawab
(Disclaimer)

PENGAKUAN TANGGUNGJAWAB (DISCLAIMER)

Kami, dengan ini, mengaku bertanggungjawab di atas ketepatan semua pandangan, komen teknikal, laporan fakta, data, gambarajah, ilustrasi, dan gambar foto yang telah diutarakan di dalam laporan ini. Kami bertanggungjawab sepenuhnya bahawa bahan yang diserahkan ini telah disemak dari aspek hakcipta dan hak keempunyaan. Universiti Utara Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap ketepatan mana-mana komen, laporan, dan maklumat teknikal dan fakta lain, dan terhadap tuntutan hakcipta dan juga hak keempunyaan.

We are responsible for the accuracy of all opinion, technical comment, factual report, data, figures, illustrations and photographs in the article. We bear full responsibility for the checking whether material submitted is subject to copyright or ownership rights. UUM does not accept any liability for the accuracy of such comment, report and other technical and factual information and the copyright or ownership rights claims.

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dengan izinNya laporan kajian ini dapat disiapkan.

Laporan ini tidak dapat dilakukan tanpa sokongan individu, organisasi dan pihak-pihak tertentu. Pasukan penyelidik ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua ahli jawatankuasa penyelidikan yang telah banyak memberi bimbingan, idea dan sokongan dalam menjayakan kajian ini. Tidak dilupakan juga ucapan penghargaan kami tujukan kepada para pelajar Program Pengurusan Kerja Sosial yang terlibat dan Encik Awang Rozaimie Awang Shuib di atas bantuan yang telah diberikan dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, kepada semua pihak sama ada secara langsung ataupun tidak langsung yang telah banyak membantu sehingga sempurnanya penyelidikan ini.

ABDUL RAZAK BIN ABD MANAF
AHMAD SHUKRI BIN ABDUL HAMID

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan adalah untuk membuat penilaian ke atas komponen latihan praktikum 1 Program Pengurusan Kerja Sosial Universiti Utara Malaysia. Komponen utama yang diselidiki adalah berkaitan pemilihan dan kesesuaian tempat praktikum, struktur dan tempoh masa praktikum, pengkelasan tugas dan latihan, penyeliaan agensi, penyeliaan pensyarah pelawat dan juga aspek-aspek pendedahan. Kajian ini adalah berbentuk 'exploratory' dan data-data yang diperolehi dalam kajian ini dianalisa menggunakan statistik deskriptif. Kajian ini dilakukan secara tinjauan dengan menggunakan kaedah persampelan berstrata. Sebanyak 200 borang soal selidik telah diedarkan dan dari jumlah tersebut 133 keping soal selidik sahaja yang boleh digunakan untuk analisis seterusnya. Hasil kajian mendapati bahawa pemilihan tempat praktikum adalah berdasarkan kepada faktor jarak agensi dengan tempat tinggal tanpa mengambil kira faktor bentuk dan pendedahan yang bakal diterima. Faktor masa yang terlalu singkat juga dikenalpasti sebagai salah satu permasalahan yang signifikan manakala kebanyakan latihan yang diterima adalah bersifat amalan secara langsung. Kajian juga mendapati, para pelajar diselia oleh pegawai yang berkedudukan tinggi. Namun begitu, tahap kualiti penyeliaan oleh pihak agensi didapati mempengaruhi pandangan pelajar. Selain itu, penyeliaan di kalangan para pensyarah pelawat didapati memperolehi reaksi yang positif. Kajian juga mendapati pelajar didedahkan dengan latihan yang agak mendalam dan ini mungkin akan mewujudkan pertindanan atau pertindihan objektif dengan latihan praktikum 2 yang diwajibkan ke atas pelajar.

SENARAI JADUAL

	Muka surat
Jadual 1: Statistik keputusan peperiksaan pelajar (1998-2000)	2
Jadual 2 Profail responden	18
Jadual 3: Faktor penyebab stres dari aspek persekitaran (dalam peratus dan min)	20
Jadual 4: Faktor penyebab stres dari aspek individu (dalam peratus dan min)	21
Jadual 5: Faktor penyebab stres dari aspek kumpulan (dalam peratus dan min)	23
Jadual 6: Faktor penyebab stres dari aspek suasana pembelajaran (dalam peratus dan min)	24
Jadual 7: Faktor penyebab stres dari aspek organisasi (dalam peratus dan min)	25
Jadual 8: Min bagi tiga penyebab utama stres dari aspek persekitaran mengikut tahap PMK	26
Jadual 9: Ujian ANOVA terhadap aspek persekitaran dan PMK	26
Jadual 10: Min bagi tiga penyebab utama stres dari aspek individu mengikut tahap PMK	27
Jadual 11: Ujian ANOVA terhadap aspek individu dan PMK	28

Jadual 12:	Min bagi tiga penyebab utama stress dari aspek suasana pembelajaran mengikut tahap PMK	28
Jadual 13:	Ujian ANOVA terhadap aspek suasana pembelajaran dan PMK	29
Jadual 14:	Min bagi tiga penyebab utama stress dari aspek organisasi mengikut tahap PMK	30
Jadual 15:	Ujian ANOVA terhadap aspek organisasi dan PMK	30
Jadual 16:	Stres dan prestasi akademik (dalam min)	31

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 Contoh Borang Soal Selidik

BAB 1: PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Latihan praktikum merupakan komponen utama dalam struktur Program Pengurusan Kerja Sosial, Sekolah Pembangunan Sosial. Selain mendapat pendedahan akademik dan teori melalui kuliah-kuliah dan aktiviti di kampus, para pelajar yang menjurus dalam bidang Kerja Sosial dikehendaki menjalani program latihan penempatan di agensi-agensi perkhidmatan sosial sebagai sebahagian daripada proses pendedahan kepada unsur-unsur praktik dan amalan. Hasil gabungan kedua-dua dimensi pembelajaran ini mampu memantapkan lagi pengetahuan para pelajar sebagai persediaan bagi menghadapi cabaran kerjaya profesion kemanusiaan ini.

Memandangkan program ini masih lagi baru diperkenalkan, penilaian yang berterusan dianggap perlu dilakukan ke atas setiap komponen pembelajaran yang terkandung dalam struktur program ini. Latihan praktikum adalah merupakan salah satu daripada komponen yang paling penting untuk dilakukan penilaian dari masa ke semasa memandangkan kepentingannya sebagai suatu komponen pendedahan praktik yang utama yang perlu dilalui oleh para pelajar. Komponen ini juga memerlukan kerjasama yang erat antara pihak universiti dan agensi-agensi luar. Justeru itu, aspek-aspek seperti keberkesanan, kelancaran serta manfaatnya perlulah dititikberatkan dan dimantapkan. Selain daripada itu, aspek kesesuaiannya terhadap pelajar dan keperluan agensi harus juga diberikan penekanan.

Kajian ini tertumpu kepada menilai struktur latihan praktikum yang sedia ada dengan mengambil kira pandangan pelajar yang terbabit secara objektif bagi tujuan memantapkan lagi program latihan ini.

1.1 Pernyataan Masalah

Sepanjang tempoh pelaksanaan latihan praktikum 1, pihak pengurusan program telah banyak menerima maklum balas secara spontan dari para pelajar tentang pelbagai masalah dan kekangan yang timbul. Namun begitu permasalahan yang timbul tidak dapat dinilai secara terperinci disebabkan tiadanya suatu mekanisme penilaian yang objektif diwujudkan bagi menanganinya. Kesan langsung yang mungkin timbul dari situasi ini ialah kegagalan pelajar untuk mendapatkan pendedahan yang sesuai. Manakala kesan jangka panjang yang mungkin timbul pula ialah tahap kualiti program yang ditawarkan dan tahap profesionalisme para graduan yang dihasilkan oleh program ini mungkin dipertikaikan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mendapatkan jawapan kepada permasalahan ini.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah berbentuk serampang dua mata:

- pertama untuk menilai secara objektif struktur latihan praktikum kerja sosial yang sedia ada sama ada berjaya memenuhi keperluan pelajar dan juga program kerja sosial; dan

- kedua, kajian ini bertujuan merangka dan seterusnya mencadangkan struktur yang lebih memenuhi keperluan kedua-dua pihak dengan mengambil kira kelemahan-kelemahan dalam struktur yang sedia ada.

1.3 Kepentingan Kajian

Program latihan praktikum merupakan suatu aktiviti yang memerlukan penilaian yang berterusan. Pemantapan sesuatu program latihan banyak bergantung kepada maklum balas diterima serta analisis atau kajian yang terperinci yang dilakukan bagi mengenal pasti sebarang masalah atau kekangan yang timbul. Atas rasional inilah kajian ini dijalankan dan ia dianggap penting bagi menyediakan input yang berguna bagi dimanfaatkan oleh para pelajar dan pihak yang mengendalikan program ini. Hasil kajian ini juga diharapkan mampu memberi faedah kepada program-program latihan lain seumpamanya selain daripada praktikum.

BAB 2: ULASAN KARYA

2.0 Pendahuluan

Pendidikan kerja lapangan (*field education*) mempunyai sejarah yang panjang dalam pendidikan kerja sosial (George, 1982 dalam Rohrer & Smith, 1992) dan dianggap sebagai satu komponen penting dalam pendidikan kerja sosial (Frumkin, 1980; Kissman & Van Tran, 1990; Schon, 1987 dalam Cavanos, 1996). Nilai pendidikan kerja lapangan atau praktikum telah dikenal pasti semenjak pendidikan kerja sosial menjadi satu disiplin akademik yang formal di awal-awal abad dua puluhan lagi (Raschick & Maypole, 1998). Pendidikan untuk pekerja sosial bermula dari penajaan pihak agensi untuk menjalani latihan kerja lapangan atau praktikum. Pihak-pihak yang mengendalikan program kerja sosial kemudiannya telah mengguna pakai idea ini walaupun mereka tidak memulakan proses tersebut (Rohrer & Smith, 1992).

Sehingga kini telah banyak kajian dijalankan bagi meneliti pelbagai elemen latihan amali seperti tahap kepuasan pelajar dengan praktikum (Fortune et.all, 1985; Raskin, 1989), penyeliaan yang berkesan (Akin & Weil, 1981; Curiel & Rosenthal, 1987; Matorin, 1979; Rotholz & Werk, 1984), isu-isu praktikum (Cowan & Wickham, 1982; Gordon, 1982; Kimberley & Watt, 1982; Skolnik, 1989), peranan penyeliaan (Abramson & Fortune, 1990; Gitterman, 1989), pemilihan objektif pembelajaran dan tugas (Wodarski, Feit & Green, 1995; Fortune et al, 1985), aspek maklum balas praktikum oleh penyelia agensi (Freeman, 1985), pelaksanaan penilaian yang bersepadu dan adil

(Brennen, 1982), keseimbangan kebebasan dan kebergantungan pelajar (Kerson, 1994), kebimbangan penyelia dan pelajar (Wilson, 1981), perkaitan kuliah dan pengetahuan kerja lapangan (Bogo & Vayda, 1987) dan lain-lain lagi (dalam Caspi & Reid, 1998).

2.1 Kepentingan Latihan Praktikum

Praktikum merupakan komponen yang penting dalam pendidikan dan latihan kerana ia membenarkan pelajar memindahkan pembelajaran secara teori semasa kuliah kepada kepakaran profesional. Dengan erti kata lain, ia memberi peluang kepada pelajar untuk mengintegrasikan teori dan amalan (Kissman & Van Tran, 1990; Vayda & Bogo, 1991 dalam Cavanos, 1996). Oleh kerana ia telah dianggap sebagai satu elemen yang lebih daripada pengalaman intelektual dan pemerhatian kepada pelajar, ia telah sekaligus bertindak sebagai satu mekanisma dalam menggerakkan pelajar ke arah amalan kerja sosial. Selain daripada menganggapnya sebagai satu forum untuk mengintegrasikan teori-teori kuliah, pengalaman hidup dan keinginan untuk perkembangan diri, ia juga dijadikan sebagai batu loncatan ke arah amalan profesionalisme. Ringkasnya, pendidikan praktikum mengandungi penggabungan hubungan antara pengamal dalam komuniti, pendidik kerja sosial, pelajar dan juga klien.

2.2 Peranan Penyeliaan Dalam Latihan Praktikum

Penyelia agensi telah dianggap sebagai penilai semulajadi yang paling sesuai disebabkan ia mempunyai hubungan dengan pelajar pada kebanyakan masa ketika

praktikum dan ia juga mengetahui piawaian prestasi kerja yang terkini dan yang diterima pakai (Grady, 1988; Yarrow, 1992 dalam Toohey & Ryan, 1996). Pettes (1979) dalam Brashers (1992) mendefinisikan penyeliaan sebagai “satu proses di mana seorang pengamal kerja sosial membolehkan dan membenarkan seorang pengamal kerja sosial yang lain ... untuk menjalankan amalnya setakat kemampuannya yang terbaik” (ms.3).

Fungsi penyeliaan secara tradisinya berbentuk pentadbiran, pendidikan dan sokongan [Towle (1963) dalam Brashears (1992)]. Robinson (1936) dalam Brashears (1992) pula berpendapat bahawa penyeliaan adalah “proses pendidikan di mana seorang individu yang mempunyai peralatan pengetahuan tertentu ... mengambil tanggungjawab untuk melatih seseorang yang kurang mempunyai peralatan pendidikan (ms.53). dalam pada itu, peranan penyelia agensi merangkumi fungsi-fungsi seperti mendorong (*enabling*), menyokong (*supporting*), mengajar (*teaching*) dan menilai (*assessing*) (Noor Azizah dan Yusmarhaini, 2000). Dengan erti kata lain, penyelia telah dikenal pasti sebagai seorang guru, ‘enabler’, perundingcara dan pengurus (Christian dan Hannah, 1983; Crow dan Odewahn, 1987; Magee dan Pierce, 1986; Perlman, 1969 disebut dalam Brashears, 1992).

Mengapakah peranan penyelia amat dititik beratkan semasa latihan praktikum? Jawapannya ialah pendidikan dalam kerja sosial melibatkan pengajian kuliah dan juga latihan amali. Pembelajaran latihan amali sebahagiannya bergantung kepada pengamal yang berpengalaman yang menyediakan peluang amalan secara penyeliaan kepada pelajar bagi mendapatkan pengetahuan, kemahiran dan kehendak identiti profesional

amalan kerja sosial. Pekerja sosial yang bertindak sebagai penyelia memberi sumbangan yang amat penting ke arah persediaan pengamal kerja sosial yang profesional di samping mempunyai pengaruh yang amat tinggi dalam pembentukan pelajar yang profesional. Oleh yang demikian, Rogers & Mc Donald (1992) telah mencadangkan agar pengamal mempelajari tentang kaedah penyeliaan yang berkesan dan memahami konsep yang berkaitan, tema dan pendekatan mendidik pelatih ke arah profesion multi-dimensi.

Dalam buku yang ditulis oleh Wilson (1981) disebut dalam Rohrer & Smith (1992) beliau telah menggariskan sebelas peranan yang dijangkakan dari penyelia agensi. Peranan-peranan tersebut termasuklah:

- 1) menyatakan keinginan untuk menjadi penyelia dan memenuhi kesemua kriteria yang ditetapkan oleh sekolah atau organisasi;
- 2) mengambil kursus atau latihan yang ditawarkan oleh sekolah atau agensi untuk persediaan menjalankan tanggungjawab penyelia;
- 3) menghadiri seminar yang dianjurkan oleh sekolah untuk penyelia bagi memberi maklumat berkaitan perkembangan terkini program sekolah;
- 4) menjalankan temuduga pra-penempatan kepada pelajar;
- 5) menasihati sekolah sama ada penyelia atau agensi akan mengambil pelajar yang terlibat;
- 6) membentuk perancangan pendidikan dengan pelajar, menyediakan penyeliaan harian, menilai prestasi pelajar dalam latihan amali;
- 7) mencadangkan atau memberi gred penempatan praktikum;

- 8) memberitahu fakulti tentang perkembangan pelajar dan apa jua masalah berkaitan pelajar;
- 9) terlibat dalam perjumpaan dengan ahli fakulti, staf sekolah atau dengan pelajar secara rutin ataupun apabila wujud masalah dan apabila diminta mengadakan perjumpaan bersama;
- 10) menyediakan maklum balas kepada ahli fakulti berhubung cadangan memperbaiki keseluruhan program praktikum, persediaan pembelajaran sebelum latihan amali dan isu berkaitan yang merangkumi keperluan pelajar; dan
- 11) turut serta dalam jawatankuasa sekolah bersama ahli fakulti dan pelajar untuk membentuk atau memeriksa dasar-dasar seperti dasar kemasukan perancangan kurikulum, arahan praktikum dan lain-lain perkara.

Walaupun menyedari hakikat bahawa penyeliaan adalah penting, namun dengan bilangan staf agensi yang berkecukupan untuk menyelia adalah terhad serta kurangnya masa untuk mengawasi pelajar, ramai pengamal dan pengarah praktikum melihat kualiti pengajaran praktikum semakin merosot. Kualiti pendidikan kerja sosial sebahagian besarnya banyak bergantung kepada kualiti pendidikan praktikum (Jarman & McFall, 1997). Menurut kajian yang dijalankan oleh Skolnik (1989) dalam Rohrer & Smith (1992), mendapati faktor kekurangan imbuhan, pengiktirafan dan insentif dalam penyeliaan merupakan salah satu faktor yang menyebabkan ketidakmampuan pihak berkenaan untuk menarik minat dan mengekal penyelia agensi yang berkualiti.

2.3 Permasalahan Yang Wujud

Walaupun secara idealnya, praktikum mampu menawarkan kepada pelajar peluang untuk mengaplikasikan pengetahuan, menguji teori-teori dan akhirnya mengubahsui kefahaman mereka, namun ia tidak dapat lari daripada pelbagai masalah. Menurut Pitts & Miller (1990), kebanyakan masalah yang dihadapi semasa sesi praktikum bukanlah disebabkan oleh satu faktor penyebab sahaja. Sumber masalah boleh difahami dalam satu 'continuum', yakni daripada masalah yang dijana oleh pelajar itu sendiri kepada masalah yang disebabkan oleh sistem yang ada dengan kebanyakan masalah terhasil daripada percampuran atau kombinasi kedua-dua elemen tersebut. Permasalahan yang dijana oleh sistem bertindak sebagai penunjuk kepada kekurangan atau kekangan yang wujud dalam sistem tersebut di mana perubahan ke arah memantapkannya perlu dilakukan.

Kajian yang dilakukan oleh Council on Social Work Education (CSWE) pada tahun 1984 pula mendedahkan tentang kurangnya kriteria yang konsisten terhadap latihan kerja lapangan dan ini merupakan isu yang signifikan kepada sekolah-sekolah kerja sosial (Skolnik, 1989, p. 59 dalam Dore & Epstein, 1992). Komponen kerja lapangan dalam kurikulum telah direka bentuk untuk memberi peluang kepada pelajar berperanan sebagai pekerja sosial dan seterusnya juga menangani segala halangan ke arah perkembangan profesionalisme.

Selain daripada itu, kajian juga banyak dijalankan bagi melihat ruang lingkup praktikum. Misalnya, kajian Reid & Bailey-Dempsey (1996) telah meneliti pemeringkatan penyelia terhadap prestasi pelajar dan membandingkannya dengan penilaian yang dibuat oleh juri bebas berasaskan kepada 'content analysis' rekod prestasi pelajar. Manakala Shulman (1982 dalam Bogo & Taylor, 1990) mendapati perbincangan tentang tema kuasa (authority) merupakan satu 'taboo' semasa penyeliaan di mana ianya boleh menjadi penghalang kepada proses pembelajaran.

Selain daripada melihat masalah dari segi struktur dan komponen latihan praktikum, permasalahan tentang pelajar kurang upaya juga turut dikaji. Reeser (1992) mendapati golongan kurang upaya mempunyai maklumat tentang keperluan yang mereka kehendaki ketika menjalani latihan praktikum dan ini boleh membantu pihak yang terbabit dalam memudahkan penempatan mereka. Persoalan yang timbul ialah apakah yang telah dilakukan pihak sekolah dan agensi bagi menyediakan dan memudahkan pelajar kurang upaya ini dalam menjalani latihan praktikum serta apa yang boleh dilakukan oleh pelajar ini kepada diri mereka sendiri? Kewujudan pelbagai bentuk kurang upaya dari segelintir pelajar di kalangan program kerja sosial (Alperin, 1988) memerlukan satu usaha mengadakan dialog antara fakulti dan pelajar yang kurang upaya berkaitan praktikum kerana wujud perbezaan dalam beberapa perkara terutamanya dari segi pembentukan dasar (Reeser, 1992).

Kesimpulannya, keberkesanan program praktikum banyak dipengaruhi oleh tindakan memenuhi keperluan dan tuntutan pelajar. Kemajuan yang diperolehi menerusi praktikum adalah satu proses pembelajaran bertujuan memenuhi keperluan sendiri berdasarkan struktur sedia ada di mana ia membenarkan pelajar berkembang secara progresif di dalam sesuatu sistem.